



07 DEC, 2021

Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuh raya

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2



MENINJAU: Adham (kanan) malawat bilik kawalan lalu lintas bersama Zakaria (kiri) selepas Majlis Pelancaran Program Rintis Sandbox Lebuh Raya Pintar kerjasama antara Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (INTIS) dan Plus Malaysia Berhad di Persada Plus dekat Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuh raya

KUALA LUMPUR: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuh raya PLUS di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata selain itu program berkenaan adalah sebuah inisiatif untuk mempercepatkan pendekatan inovatif dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan lebuh raya menerusi penggunaan teknologi.

“Kerjasama strategik ini wujud untuk memastikan PLUS selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi berketepatan tinggi dan efisien dalam urusan penyelenggaraan lebuh raya di Malaysia,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran program berkenaan di Persada PLUS, di Petaling Jaya, semalam.

ing Jaya, semalam.

Program berkenaan merupakan inisiatif oleh Plus Malaysia Berhad (PLUS) bersama-sama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) sebagai sekretariat utama mewakili Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Beliau berkata, lebuhraya pintar akan berkonsepkan gabungan pelbagai peranti Internet Benda (IoT) untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan keselamatan pemandu serta pejalan kaki dan penggunaan tenaga bersih untuk menggalakkan kelestarian.

“Malaysia harus mengambil peluang ini untuk menerokai teknologi-teknologi baharu khususnya oleh bakat tempatan yang mampu meningkatkan keselamatan dan kesesuaian pengguna lebuhraya,” katanya.

Sempena pelancaran itu, satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara PLUS dan MaGIC iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian

Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dimeterai dengan disaksikan Dr Adham.

Pada majlis sama Ketua Pegawai Operasi PLUS Datuk Zakaria Ahmad Zabidi memberi taklimat mengenai perancangan ‘Lima Tahun Teknologi Pintar’ program berkenaan bagi merealisasikan kerjasama tersebut.

Zakaria berkata rancangan lima tahun itu merangkumi automasi pengesanan kecacatan cerun, automasi pengesanan kerosakan jambatan pada 2022, automasi pengesanan kerosakan (jalan) (2023), pengesanan perkhidmatan trafik automatik dan pengesanan objek asing (2024), seterusnya mencapai automasi sepenuhnya menjelang 2025.

Sementara itu, PLUS juga merancang meningkatkan pelaburannya bagi mencapai tahap optimum inovasi dalam industri lebuhraya termasuk menggunakan analisis video dan teknologi kecerdasan buatan (AI). — Bernama



07 DEC, 2021

Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar, inovasi penyelenggaraan lebuh raya

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



SUMMARIES

MENINJAU: Adham (kanan) malawat biiik kawalan lalu lintas bersamaZakaria (kiri) selepas Majlis Pelancaran Program Rintis Sandbox Lebuh Raya Pintar kerjasama antara SandboxTeknologi dan Inovasi Nasional (INTIS) dan Plus Malaysia Berhad di Persada Plus dekat Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

KUALA LUMPUR: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuh raya PLUS di seluruh negara.